

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HST 422 Pendudukan Jepun di Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejauh manakah imperialisme Jepun pada abad ke-20 berpunca daripada permodenan Meiji?

2. "Dari segi ekonomi pendudukan Jepun di Tanah Melayu hanya meninggalkan kesan-kesan negatif".

Bincangkan.

3. Sejauh manakah tentera Jepun berjaya menggunakan agama Kristian dan Budhisme untuk tujuan politik di Asia Tenggara?

4. "Kerana mempertahankan kepentingan golongan Thakin, Thakin Nu sanggup berkerjasama dengan Jepun".

Bincangkan.

5. "Tidak syak lagi, pengkerahan tenaga belia merupakan sumbangan utama tentera Jepun kepada perkembangan nasionalisme tempatan".

Bincangkan.

6. "Pada hakikatnya individu seperti Iida Shojiro Gunshireikan itu tidak berbeza dengan rakyat Jepun lain yang menjadi agen imperialisme Jepun di Asia Tenggara di antara 1941-1945".

Bincangkan.

7. Sejauh manakah dasar Washington semasa perang dingin berjaya memulihkan hubungan Asia Tenggara-Jepun selepas 1945?

-ooo000ooo-